

No. Soalan: 32  
PR-1361-L05360

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
[ SUBANG ]**

**TARIKH : 26 MAC 2018**

**SOALAN :** Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sama ada untuk memastikan pelarian Rohingya mendapat perlindungan pada taraf piawaian antarabangsa, Kerajaan merancang untuk menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan jika tidak, kenapa.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Subang atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkenaan pendirian kerajaan Malaysia terhadap Konvensyen Berkaitan Pelarian 1951 pernah dibangkitkan sebelum ini.

3. Buat ketika ini, Malaysia bukan merupakan negara pihak dengan izin, "state party" kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Pelarian 1967, dengan izin, "*Convention in relating to the Status of Refugees 1951 and its Protocol 1967*". Untuk makluman Dewan yang mulia, hanya Kemboja dan Filipina (negara ASEAN) yang menjadi negara pihak kepada Konvensyen berkenaan.

4. Sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, satu kajian yang menyeluruh perlu terlebih dahulu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Ini adalah kerana keputusan yang bakal dibuat perlu mengambil kira kesesuaian peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Konvensyen berkenaan dengan rangka perundangan negara, dasar negara yang sedia ada dan kesan dan implikasi jangka panjang penyertaannya kepada negara.

5. Antara yang utama adalah kajian dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Ingin ditegaskan bahawa apabila Malaysia menjadi negara ahli kepada mana-mana instrumen antarabangsa, adalah menjadi satu obligasi untuk melaksanakan dan mematuhi perkara-perkara seperti yang diperuntukkan di bawah instrumen antarabangsa tersebut.

6. Justeru itu, adalah wajar supaya kerajaan Malaysia memastikan bahawa ia benar-benar bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai negara ahli Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Pelarian 1967. Ini termasuklah memberikan “pelarian” hak yang sama rata dengan warganegara Malaysia dalam beberapa aspek seperti pendidikan dan bantuan sara hidup. Selain daripada itu, kerajaan juga khuatir bahawa sekiranya Malaysia menjadi ahli negara pihak dengan izin, “*state party*” kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Pelarian 1967, ini akan menggalakkan lebih ramai lagi kemasukan warga asing ke negara ini, memandangkan Malaysia merupakan salah satu destinasi utama migran di rantau ini.

Seperti Ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum,

7. Walaupun undang-undang negara ini tidak memberi status kepada “pelarian” atau pemohon suaka, namun atas dasar kemanusiaan, Kerajaan Malaysia telah membentarkan pemegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya yang memerlukan perlindungan, untuk terus tinggal di sini sementara menunggu penempatan semula di negara ketiga atau pulang ke negara asal mereka. Kerajaan Malaysia juga bekerjasama dengan pihak UNHCR dalam memberi bantuan serta

perlindungan kepada dengan izin dewan “*persons of concern*” termasuk etnik Rohingya yang memiliki kad UNHCR .

8. Namun demikian, untuk makluman juga, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai agensi peneraju bagi isu-isu berkaitan ‘pelarian’ sedang mengkaji kemungkinan bagi Malaysia untuk meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Pelarian 1967. Maklumat lanjut mengenai kajian ini boleh diperolehi daripada pihak MKN.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 33 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 MAC 2018  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]

**SOALAN :-**

YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah pembinaan Balai Bomba  
Pekan Belaga dapat dibina.

10

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek **Balai Bomba dan Penyelamat Belaga** telah diluluskan dalam **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK Ke-11) Rolling Plan Pertama (RP1) Tahun 2016**. Pada masa ini **status pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Belaga** adalah dalam **proses rekabentuk dan penyediaan dokumen tender** oleh **Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak**. Iklan tender dijangka keluar pada **akhir bulan April 2018**. Tempoh untuk menyiapkan pembinaan balai bomba adalah selama **18 bulan**.

Buat masa ini kawasan Belaga mendapat perlindungan kebakaran dari **Pasukan Bomba Sukarela Daerah Belaga** yang dilengkapi peralatan kebombaan seperti **pam angkut, hos, nozel dan baju api** dengan **keahlian seramai 30 orang**. Manakala balai bomba terdekat adalah **Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu**, terletak kira-kira **4 jam perjalanan** ke kawasan Belaga.

Sehubungan dengan itu, dengan siapnya **Balai Bomba dan Penyelamat Belaga** kelak, adalah diharapkan agar **response time** yang **lebih cepat** dapat diberikan kepada masyarakat di kawasan Belaga.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018